

M-KAST 10 (Montelukast Tablets 10mg)

Montelukast Sodium Tablets (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan M-KAST 10
2. Bagaimana M-KAST 10 berfungsi
3. Sebelum mengambil M-KAST 10
4. Cara menggunakan M-KAST 10
5. Semasa menggunakan M-KAST 10
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan M-KAST 10
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan M-KAST 10

Montelukast sodium ialah bahan aktif dalam M-KAST 10. Ia digunakan untuk mencegah dan merawat penyakit asma yang kronik pada orang dewasa dan remaja berumur 15 tahun keatas.

Ia juga digunakan untuk melegakan gejala *seasonal allergic rhinitis* pada waktu pagi dan malam pada orang dewasa dan remaja berumur 15 tahun keatas.

Bagaimana M-KAST 10 berfungsi

Montelukast ialah sejenis *leukotriene receptor antagonist* yang menghalang bahan yang dipanggil *leukotrienes*. *Leukotrienes* mengakibatkan pengecilan dan bengkak pada saluran pernafasan paru-paru. Menghalang *leukotrienes* akan menambah baik gejala asma dan membantu mencegah serangan asma. *Leukotrienes* juga menyebabkan gejala alahan. Menghalang *leukotrienes* boleh menambah baik *allergic rhinitis* (*seasonal* dan *perennial*) atau dikenali sebagai *outdoor* dan *indoor nasal allergies*.

Sebelum mengambil M-KAST 10

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan ubat ini sekiranya anda alah kepada bahan aktif atau bahan lengainya.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai apa-apa masalah kesihatan atau alahan. Sekiranya asma anda semakin teruk, beritahu doktor anda dengan segera.

Ubat ini tidak boleh digunakan untuk merawat serangan penyakit asma yang akut. Sila ikuti nasihat doktor anda sekiranya anda tiba-tiba diserang penyakit asma.

Jangan ambil ubat ini sekiranya ia tidak disyorkan doktor anda. Ubat ini tidak boleh digunakan untuk mengganti ubat anda yang sedia ada.

Dapatkan nasihat doktor sekiranya anda mengalami gejala seperti selsema, kebas pada tangan dan kaki, gejala asma yang bertambah teruk atau ruam semasa mengambil ubat ini.

Montelukast boleh diambil bersama ubat lain yang digunakan untuk pencegahan dan rawatan penyakit asma.

Kehamilan dan penyusuan:

Jika anda hamil atau sedang merancang keluarga, dapatkan nasihat doktor terlebih dahulu sebelum memulakan ubat ini. Kemasukan ubat ini dalam susu ibu tidak diketahui secara mendalam. Oleh itu, dapatkan nasihat doktor anda terlebih dahulu sebelum menyusukan anak semasa mengambil ubat ini.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Perhatian perlu diambil sekiranya anda mengambil ubat yang tersenarai dibawah sebelum memulakan M-KAST 10:

- *Gemfibrozil* (ubat kolesterol)
- *Prednisolone* (ubat jenis *steroid* yang digunakan untuk merawat radang)

- *Repaglinide* (ubat kencing manis)
- *Phenytoin* dan *phenobarbital* (untuk merawat penyakit sawan)
- *Rifampin* (sejenis antibiotik)

Jika anda sedang mengambil ubat yang tersenarai atau apa-apa ubat yang lain, beritahu doktor anda terlebih dahulu sebelum mengambil M-KAST 10 kerana kemungkinan interaksi ubat yang tidak diingini.

Cara menggunakan M-KAST 10

-Berapa banyak harus digunakan

Ambil M-KAST 10 seperti yang diarahkan doktor anda.

Dos M-KAST 10 yang biasa ialah sebiji sehari selepas atau sebelum makanan untuk dewasa dan remaja berumur 15 tahun keatas.

-Bila perlu digunakan

Dos biasanya diambil pada waktu petang melainkan jika nasihat doktor berlainan.

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat ini selama disyorkan doktor anda. *Montelukast* hanya boleh mengawal asma anda jika diambil secara berterusan. Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa mendapatkan nasihat doktor anda terlebih dahulu.

Anda dinasihati meneruskan pengambilan ubat ini walaupun asma anda dikawal dengan baik serta pada tempoh asma anda bertambah teruk.

Jika anda mempunyai soalan lanjut mengenai ubat ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Sila gunakan ubat ini seperti yang disyorkan doktor anda. Jika anda terlupa mengambil ubat ini, ambil dos seperti biasa iaitu sebiji sehari selepas atau sebelum makanan. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa.

M-KAST 10 (Montelukast Tablets 10mg)

Montelukast Sodium Tablets (10mg)

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terlebih makan ubat ini atau disyaki mengambil dos berlebihan, dapatkan nasihat doktor anda dengan segera.

Tiada kesan sampingan yang teruk telah dilaporkan pada majoriti kes terlebih dos ubat ini. Tanda-tanda yang paling kerap dilihat dalam kes terlebih dos pada dewasa dan kanak-kanak ialah sakit perut, rasa mengantuk, haus, sakit kepala, muntah-muntah dan hiperaktif.

Semasa menggunakan M-KAST 10

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda merasa kurang sihat atau mempunyai kebimbangan mengenai kesan sampingan ubat ini, anda perlu mendapatkan nasihat dari doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda rasa sangat sakit, dapatkan pertolongan perubatan dengan segera.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil M-KAST 10 selepas tamat tarikh luputnya yang tertera pada kotak ubat selepas perkataan EXP. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Jangan kongsi ubat ini dengan sesiapa walaupun mereka mempunyai penyakit atau gejala yang sama seperti anda. Ubat ini khas diberi kepada kamu oleh doktor atau ahli farmasi anda sahaja.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera:

M-KAST 10 tidak dijangka menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Dalam kes yang sangat jarang berlaku, mengantuk atau pening mungkin berlaku. Jika anda rasa mengantuk atau pening semasa mengambil ubat ini, jangan memandu atau mengendalikan jentera. Dapatkan nasihat doktor mengenai perkara ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, M-KAST 10 mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Jika anda mengalami kesan sampingan, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin.

Kesan sampingan yang kerap dilaporkan ialah sakit perut, sakit kepala, rasa dahaga, cirit birit, hiperaktif, asma, ruam, kulit gatal dan bersisik.

Kesan sampingan lain yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- Jangkitan saluran pernafasan.
- Kecenderungan pendarahan meningkat.
- Reaksi alahan [termasuk bengkak muka, bibir, lidah dan/atau kerongkong (yang boleh menyebabkan kesukaran bernafas atau menelan), ruam dan gatal-gatal].
- Perubahan tingkah laku [kerengsaan, termasuk tingkah laku agresif, kemurungan, disorientasi, gangguan perhatian, mimpi yang pelik, keresahan, halusinasi, kesukaran tidur, masalah pengingatan, kegelisahan, berjalan semasa tidur, fikiran ingin bunuh diri dan gegaran].
- Pening, rasa mengantuk, kebas atau rasa *pins and needles*, sawan adalah sangat jarang.
- Berdebar-debar.
- Hidung berdarah.
- Cirit-birit, gastrik, loya dan muntah-muntah.
- Hepatitis.
- Lebam, reaksi kulit yang teruk (*erythema multiforme*) yang boleh berlaku tanpa amaran.
- Sakit sendi, sakit otot dan kejang otot.
- Kelemahan/ keletihan.

- Bengkak.
- Demam.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda atau anak anda mengalami gejala yang luar biasa, atau mengalami kesan sampingan yang bertambah teruk.

Beritahu pegawai perubatan anda dengan segera jika anda perasan perubahan kelakuan atau mood berikut:

- simptom obsesif kompulsif

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dibuang melalui sistem kumbahan air atau melalui sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana melupuskan ubat yang sudah luput atau ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam sekitar dari pencemaran.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk segi-empat bulat, berwarna kuning air dan disalut. Tanda 'X' pada satu belah dan '54' pada belah yang lain.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Montelukast Sodium

M-KAST 10 (Montelukast Tablets 10mg)

Montelukast Sodium Tablets (10mg)

Bahan tidak aktif

*Hydroxy propyl cellulose,
lactose monohydrate,
microcrystalline cellulose,
croscarmellose sodium,
magnesium stearate, opadry
yellow, purified water*

-Nombor MAL

MAL18046158AZ

Pengilang

Aurobindo Pharma Limited

Unit-VII (SEZ), Survey No. 411/P,
425/P, 434/P, 435/P & 458/P, Plot
No. S1 (Part) Special Economic
Zone (Pharma), TSIIC, Green
Industrial Park, Polepally Village,
Jedcherla Mandal, Mahaboobnagar
District, Telangana State 509302,
India

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn Bhd

74-3, Jalan Wangsa Delima 6,
KLSC Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

-01/06/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200519/442